

16 kes dikesan KPDNHEP

Sebanyak 645 premis diperiksa sepanjang SHMMP Aidilfitri 2019

ROSILAWATI ROSEDI

TEMERLOH

Sebanyak 16 kes direkodkan di dua daerah iaitu Temerloh dan Jerantut sepanjang tempoh Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Aidilfitri 2019 yang berakhir 19 Jun lalu.

Ketua Cawangan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Temerloh, Abdul Razak Yahaya berkata, dua daripadanya melibatkan kes melebihi harga maksimum

ditetapkan.

Menurutnya, kes selibunya membabitkan kegagalan meletakkan tanda harga warna merah jambu seperti yang ditetapkan oleh Kementerian.

"Jumlah ini dikesan hasil pemeriksaan melibatkan 623 premis runcit dan 22 lagi di premis borong," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada sidang akhbar Majlis Rasmiah Mesra Aidilfitri KPDNHEP Temerloh di sini semalam.

Abdul Razak berkata, sepanjang tempoh SHMMP Aidilfitri 2019 yang bermula 21 Mei lalu, hanya satu aduan diterima membabitkan tiada tanda harga barangan kawalan namun berjaya diselesaikan.

Menurutnya, sepanjang tempoh enam bulan pertama 2019 sehingga 24 Jun lalu, sebanyak 98 kes



Abdul Razak (tengah) menunjukkan aplikasi EZ Adu yang boleh dimuat turun pengguna untuk memudahkan mereka menyalurkan sebarang aduan.

melibatkan pelbagai kesalahan dicatatkan dalam tempoh itu.

Katanya, nilai sitaan keseluruhan ialah RM27,978 manakala kompaun keseluruhan pula sebanyak RM16,500.

"Kes itu dikesan hasil pemeriksaan di 4,920 premis iaitu 4,045 di bandar dan selebihnya di luar bandar. Namun tiada kes dirujuk pada mahkamah pada tahun ini," katanya.

Dalam pada itu, Abdul

Razak menggesa masyarakat menggunakan aplikasi EZ Adu yang dapat diakses dengan mudah di telefon pintar masing-masing.

"Aplikasi ini memberikan banyak kelebihan dan lebih cepat serta mudah

info

Kes dikesan hasil pemeriksaan di 4,920 premis iaitu 4,045 di bandar dan selebihnya luar bandar

untuk pengguna menyalurkan sebarang aduan.

"Namun kita minta pengguna menyalurkan aduan mereka dengan lebih terperinci untuk memudahkan pihak KPDNHEP melakukan siasatan dan bertindak ke atas sebarang aduan.

"Aspek yang selalu dikesan tidak diisi dengan lengkap antaranya harga kerana ada mengadu harga mahal namun jumlahnya tidak dinyatakan selain menyimpan resit sebagai bahan bukti," katanya.